

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 4, Halaman 14-25

**Ketidakselarasan Penisbahan Qiraat Dalam Tafsir Al-Muḥarrar Al-Wajīz:
Satu Penelitian Berasaskan *Ikhtiyār* Ibn Al-Jazari.**

***INCOMPATIBILITY OF QIRAAT INTERPRETATION IN THE TAFSIR OF
AL-MUHARRAR AL-WAJĪZ: A RESEARCH BASED ON IBN AL-JAZARI'S
IKHTIYĀR.***

Muhammad Fairuz A. Adi^{1*}, Muhammad Zaid Shamsul Kamar¹, Shaharudin Saad¹

¹Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, 43000, Malaysia.

* Corresponding Author: Muhammad Fairuz A. Adi. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, 43000, Malaysia, fairuz@kuis.edu.my, 0132081291

ABSTRACT

The names of imams among the qurrā 'sab'ah are the mainstay of the attribution of qiraat in the books of tafsir. One of the tafsirs that raises qurrā 'sab'ah is the tafsir produced by imam Ibn 'Aṭiyyah entitled Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz. The quotations of the names of the qurrā 'sab'ah and 'asharah discussed a lot in the qiraat in this tafsir. Ibn 'Aṭiyyah in the preamble of his commentary states that qurrā 'mutawātirah especially al-sab'ah is his priority because their recitation is accepted and pleased. The question that arises is whether the qiraat of each wujūh al-qirā'āt attributed to this qurrā 'sab'ah is consistent with the qiraat recorded by ibn al-Jazari in the book of al-Nashr. Therefore, the objective of this study is to examine and analyze the coherence of the attribution of qiraat by Ibn 'Aṭiyyah with the ikhtiyār that has been compiled by Ibn al-Jazari. This study is a qualitative study that uses a content analysis design sourced from Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz. This study focuses on the category of qiraat written with the method of rasm mā fīhi qirā'atān. The results of the study found that there are five attributions of qiraat that are not in line with Ibn al-Jazari's ikhtiyār.

Keywords Word 1; Penisbahan qiraat, al-Muḥarrar al-Wajiz, Ibn al-Jazari, Ibn 'Aṭiyyah

ABSTRAK

Nama-nama imam dalam kalangan *qurrā' sab'ah* merupakan tunjang utama penisbahan qiraat dalam karya-karya tafsir. Salah satu tafsir yang meraikan *qurrā' sab'ah* ialah tafsir yang dihasilkan oleh imam Ibn 'Aṭīyyah berjudul tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz. Nukilan nama para *qurrā' sab'ah* mahupun 'asharah memenuhi ruang bicara qiraat dalam tafsir ini. Ibn 'Aṭīyyah dalam mukadimah tafsinya menyatakan *qurrā' mutawātirah* terutamanya *al-sab'ah* merupakan keutamaan beliau kerana mereka bacaan mereka diterima dan diredai. Persoalan yang timbul, adakah qiraat setiap *wujūh al-qirā'āt* yang dinisbahkan kepada *qurrā' sab'ah* ini selaras dengan qiraat yang direkodkan oleh Ibn al-Jazari dalam kitab al-Nashr. Oleh itu, objektif kajian ini mengkaji dan menganalisis keselarasan penisbahan qiraat oleh Ibn 'Aṭīyyah dengan *ikhtiyār* yang telah disusun oleh Ibn al-Jazari. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan bersumberkan Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz. Kajian ini memfokuskan kepada kategori qiraat yang ditulis dengan metode *rasm mā fīhi qirā'atān*. Hasil kajian mendapati terdapat lima penisbahan qiraat yang tidak selaras dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari.

Keywords

Penisbahan qiraat, al-Muḥarrar al-Wajiz, Ibn al-Jazari, Ibn 'Aṭīyyah

1.0 PENGENALAN

Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitāb al-°Azīz merupakan karya tafsir yang dihasilkan oleh Imam Ibn 'Aṭīyyah yang merupakan seorang hakim di bandar al-Mariyyah. Nama sebenar beliau ialah 'Abd al-Ḥaq bin Ghālib bin 'Abd Raḥmān bin 'Aṭīyyah. (al-Dhahabi, 2006. 14: 402, al-Suyūṭi, 1976. 1: 61). Kuniyah beliau ialah Abū Muḥammad, beliau lebih dikenali dengan Ibn 'Aṭīyyah iaitu sempena nama moyang beliau. Ibn 'Aṭīyyah lahir pada tahun 480H di Gharnāṭah atau dikenali sebagai Granada yang merupakan salah satu bandar utama yang terletak di utara Sepanyol yang dahulunya dikenali sebagai Andalus (Zirikli, 2002. 3: 282, al-Dhahabi, 2006. 14: 402). Disebabkan kehebatan beliau dalam bidang keilmuan khususnya lapangan tafsir, Ibn 'Aṭīyyah digelar sebagai al-°imām al-°Allāmah Syaikh al-Mufasssīrīn dan Qudwah al-Mufasssīrīn. Bahkan beliau merupakan salah seorang imam dan ilmu nahu dan tergolong dalam salah seorang tokoh dalam mazhab imam Malik (Husayn al-Dhahabi, t.th. 1: 171). Ibn 'Aṭīyyah bukan sahaja mahir dalam ilmu tafsir, bahkan beliau menguasai ilmu fekah, hadis, syair dan ilmu berkaitan bahasa Arab. Ibn 'Aṭīyyah meninggal dunia di Riqqah pada tahun 546H (Dawūdi, t.th. 1. 266, al-Suyūṭi, 1976. 1: 62).

Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz merupakan tafsir dalam kategori *al-Ma'thur*. karya ini menjadi saksi keunggulan Ibn 'Aṭīyyah dalam penguasaan ilmu bahasa Arab dan pelbagai ilmu berkaitan tafsir. Laras bahasa yang digunakan dalam kupasan pentafsiran adalah mudah, padat, tidak merelet dan jauh dari segala bid'ah malah pentafsiran Ibn 'Aṭīyyah menepati aliran *ahl al-sunnah wa al-jamā'ah*. Selain pentafsiran menggunakan riwayat *al-ma'thūr* yang terpilih, beliau banyak menggunakan syair dan kaedah nahu dalam menentukan makna kalimah. *Wujūh al-qirā'āt* pula banyak didapati dalam tafsir ini kerana ia membantu memberi alternatif kepada makna kalimah al-Quran (Husayn al-Dhahabi, t.th. 1172).

Dalam mukadimah tafsir, beliau menyatakan *wujūh al-qirā'āt* yang ada dalam tafsir ini merangkumi qiraat yang dibaca (mutawatirah) dan qiraat *shādhah*. oleh yang demikian objektif kajian ini adalah melihat keselarasan penisbahan qiraat kepada *qurrā' mutawātirah* berdasarkan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari dalam kitab beliau al-Nashr. Semakan keselarasan ini merupakan perkara yang penting untuk mengetahui adakah qiraat yang disandarkan kepada *qurrā' muta* disisi Ibn 'Atiyyah sama bacaannya dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari kerana menurut al-Banna (2001,6) menegaskan bahawa berlakunya *ijmā'* terhadap apa yang telah ditetapkan oleh Imam Ibn al-Jazari.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Metode komparatif juga digunakan untuk menilai keselarasan penisbahan qiraat disisi Ibn 'Atiyyah dengan apa yang dipilih oleh Ibn al-Jazari sebagai *ikhtiyār*nya. Kajian ini memfokuskan pada *wujūh al-qirā'āt* yang ditulis dengan rasm yang berbeza atau disebut sebagai *mā fīhi qirā'atān* dalam ilmu rasm al-Quran.

2.0 WUJŪH AL-QIRĀ'ĀT DALAM TAFSIR AL-MUḤARRAR AL-WAJĪZ

Al-Ghazāwi (2002,37) menyatakan “bahawa tafsir Ibn 'Atiyyah merupakan antara kebanyakan karya tafsir yang memberi perhatian kepada qiraat”. Melalui kajian yang dijalankan terhadap kalimah-kalimah *mā fīhi qirā'atān*, didapati lima puluh lima (55) nama qurra dalam kalangan sahabat, *tābi'īn* dan imam-imam lain (tidak termasuk *qurrā' sab'ah* dan *'asharah*) disebut dalam penisbahan qiraat oleh Ibn 'Atiyyah. Angka ini menunjukkan beliau sememangnya mengisi ruang bicara tafsir dengan qiraat dengan tujuan membantu pentafsiran ayat-ayat al-Quran.

Dari sudut penisbahan kepada *qurrā' mutawātirah*, Ibn 'Atiyyah memberi perhatian yang tinggi kepada *qurrā' sab'ah* berbanding *qurrā' 'asharah*, kerana menurut beliau bacaan *qurrā' sab'ah* diterima dan diredai olehnya (Ghazawi, 2002: 38). Walaupun begitu, beliau tetap tidak menolak qiraat yang menjadi bacaan kepada *qurrā' 'asharah* kerana menurut Ghazawi (2002, 39) Ibn 'Atiyyah ada juga menyebut nama-nama seperti Abu Ja'far, Ya'qūb dan khalaf dalam penisbahan qiraat, tetapi tidak sebanyak beliau menyebut imam-imam dalam kalangan *qurrā' sab'ah*.

Pengajian ilmu qiraat secara teorinya telah membahagikan perbahasannya kepada dua bahagian iaitu *uṣūl al-qirā'āt* dan *farsh al-hurūf* (Abd. Rahman, 2020, 15). Perbahasan Ibn 'Atiyyah dalam tafsir lebih menumpukan pada *farsh al-hurūf*. Beliau akan membincangkan setiap *wujūh al-qirā'āt* dengan menisbahkan kepada semua kategori *qurrā'* seterusnya mengupas setiap qiraat yang memberi kesan kepada makna. Ghazawi (2002,42) menyatakan Ibn 'Atiyyah tidak konsisten dalam membahas perkara berkenaan *uṣūl al-qirā'āt*. Kadangkala beliau menyebut dan membahas sesuatu *uṣūl al-qirā'āt* dan mengulangi pada tempat seterusnya dan kadangkala tidak beliau tidak menyentuh walaupun sedikit dalam perbahasan. Metode ini sebenarnya lebih baik dalam perbincangan kitab tafsir kerana pengarang boleh menumpukan sepenuhnya kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Perbincangan mengenai *uṣūl al-qirā'āt* selayaknya dan keutamaannya adalah dalam kitab-kitab ilmu Qiraat.



3.0 IKHTIYĀR AL-QIRĀ'ĀT IBN AL-JAZARI

Istilah “*ikhtiyār*” dalam pengajian ilmu Qiraat memberi maksud bacaan yang menjadi pilihan di sisi ulama tertentu yang mana pilihan tersebut berbeza antara seorang ulama dengan yang lain berbeza menurut kaedah, hujah dan pertimbangan masing-masing (Fairuz, 2018). Menurut Falatah (2000) pula *Ikhtiyār al-qirā'āt* merupakan istilah yang merujuk kepada satu disiplin ilmu di mana ia ditakrifkan sebagai satu pemilihan bacaan-bacaan tertentu untuk disandarkan kepada seorang ulama qiraat yang memenuhi syarat dalam ilmu periwayatan al-Quran (Falatah, 2000).

Permulaan *ikhtiyār al-qirā'āt* menurut Abdul Majid (2020) adalah merujuk kepada keizinan Nabi SAW kepada para sahabat RA untuk membaca mana-mana *huruf* yang mereka rasakan mudah dan mampu. Nabi SAW bersabda dalam hadisnya yang bermaksud:

“Sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan tujuh huruf, salah satu yang kamu baca adalah betul”

(Musnad al-Ḥumaydi, no.hadis: 343)

Dengan keizinan yang diberikan oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA telah memilih bacaan yang mereka dengar dari baginda SAW sendiri atau para sahabat RA yang lain seterusnya membacakan pula kepada orang lain. Justeru, periwayatan bacaan ini diteruskan dari satu generasi ke satu generasi sehingga sampai kepada generasi *tābi'īn* dan generasi selepas mereka. istilah-istilah seperti Qiraat Ibn Mas'ūd RA, Qiraat Ibn 'Abbās RA, Qiraat Ubay RA dan qiraat-qiraat yang disandarkan kepada para sahabat RA lain merupakan permulaan awal dan gambaran mudah kepada *ikhtiyār al-qirā'āt*.

Zaman *tābi'īn* dan seterusnya pula, *ikhtiyār al-qirā'āt* dilihat terus meluas dan berkembang, Abdul Majid (2020) menyatakan setiap individu penting atau *muqri* pada zaman tersebut mula memilih huruf-huruf tertentu berdasarkan *sanad*, kekuatan bahasa Arab yang ada yang kalimah-kalimah qiraat, keselarasan qiraat dengan *rasm uḥmāni* sebagai kaedah asas *ikhtiyār*, dan ditambah dengan kaedah tambahan yang lain. Seterusnya para *muqri* menyandarkan qiraat pilihan mereka kepada diri sendiri dan membacakan kepada masyarakat. Sebagai contoh, Imam Nāfi' yang mengambil bacaan al-Quran dari lebih dari 70 orang guru dalam kalangan *tābi'īn*. Beliau tidak meriwayatkan keseluruhan bacaan yang diambil, bahkan beliau membuat saringan dan tapisan seterusnya menyandarkan hasil saringan tersebut kepada dirinya dan membacakan kepada masyarakat ketika itu (Makki, 1960). Proses yang sama berlaku di sisi *qurrā' sab'ah* dan *‘asyarah* di mana mereka merupakan ahli *ikhtiyār* yang memilih huruf-huruf (qiraat) tertentu yang disandarkan kepada mereka dan membacakannya kepada murid-murid mereka dan masyarakat yang datang mempelajari bacaan al-Quran.

Ibn al-Jazari, atau nama penuh beliau Abu Khayr Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ali bin Yusof al-Umri al-Dimasyqi al-Syirazi al-Syāfi'ie (Shaharuddin, 2015). Beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibn al-Jazari merupakan seorang ulama yang terpenting dalam bidang periwayatan qiraat. beliau juga merupakan salah seorang ahli dalam *ikhtiyār*. Ibn al-Jazari di lahirkan pada

malam Sabtu pada bulan Ramadan selepas solat Tarawih pada tahun 751 hijrah bersamaan dengan 30 November atau awal September tahun 1350 masihi di Damsyik (Shaharuddin, 2015)

Kitab al-Nashr fi al-Qirā'āt al-^oAshar merupakan karya *ikhtiyār* yang menjadi rujukan utama dalam bacaan dan periwayatan qiraat. Kitab ini membicarakan tentang bacaan qiraat bagi *qurrā' asharah*, riwayat-riwayat bagi setiap *ṭuruq* (perawi kepada perawi) beserta penerangan bagi setiap *wujūh al-qirā'āt*. al-Nashr merupakan salah satu kitab yang paling penting dan agung dalam karya qiraat kerana perbincangan yang mantap, ketelitian, ketepatan berbanding karya qiraat lain dan kitab ini telah membuang bacaan tidak sahah yang disandarkan kepada *qurrā' asharah* (al-Za'bi, 2016).

Ikhtiyār al-qirā'āt oleh Ibn al-Jazari agak berbeza dengan *ikhtiyār* di sisi *qurrā' sab'ah*, *asharah* dan *qurrā'* yang lain. Tugas beliau dalam *ikhtiyār al-qirā'āt* adalah lebih besar dan luas yang menumpukan pada *wujūh al-qirā'āt* yang disandarkan kepada *qurrā' asharah* di mana qiraat mereka telah tersedia menjadi tumpuan manusia. Ibn al-Jazari dengan kepakaran beliau, menilai semula setiap *ṭuruq* (perawi kepada perawi) dan *sanad* yang terdapat dalam setiap *qurrā' asharah*. Tujuan utama beliau menjalankan proses ini adalah membersihkan setiap bacaan qiraat dari bacaan yang tidak sahah dan lemah dari segi periwayatan (al-Za'bi, 2016). Setiap qiraat yang terpilih direkodkan dalam kitab beliau al-Nashr. Justeru, kitab ini merupakan cerminan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari untuk setiap bacaan yang disandarkan kepada *qurrā' asharah* dan beliau membaca dan menyebarkan luas hasil *ikhtiyār* ini kepada murid dan masyarakat pada zaman tersebut.

Berpegang kepada *ikhtiyār* Ibn al-Jazari merupakan satu kewajipan. Al-Banna (2006) menegaskan bahawa berlakunya *ijma'* terhadap apa yang diputuskan oleh Ibn al-Jazari dan tiada lagi *qirā'āt mutawātirah* selain *qurrā' asharah* yang masyhur seperti yang dimuktamadkan oleh Ibn al-Jazari dalam al-Nashr. Melalui kajian yang dijalankan terhadap tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz, terdapat *wujūh al-qirā'āt* yang disandarkan kepada *qurrā' sab'ah* yang tidak selaras dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari. Perbincangan lanjut berkenaan perkara ini dibahaskan dalam topik seterusnya.

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian terhadap perbincangan *ma fihī qirā'ātān* dalam kitab tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz, terdapat lima tempat di mana sandaran qiraat tidak selari dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari. Lima tempat tersebut terdapat pada kalimah-kalimah seperti di bawah ini:

1. انجيناكم, al-A^orāf : 141

Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ أَنْجَيْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ يُقْتُلُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ﴾

Qiraat yang terdapat pada kalimah yang bergaris adalah (وإذ أنجكم) dan (وإذ أنجينكم). Qiraat tanpa huruf *nūn* diriwayatkan oleh Ibn ʿĀmir manakala qiraat dengan huruf *nūn* diriwayatkan oleh Nāfiʿ, Ibn Kathīr, Abū ʿAmrū, ʿĀsim, Hamzah, Kisāʿi, Abū Jaʿfar, Yaʿqūb dan Khalaf al-ʿĀsyir (Ibn al-Jazari, t.th, 2, 241).

Ibn ʿAṭīyyah dalam nukilannya, menisbahkan qiraat ini secara umum iaitu dengan menisbahkannya kepada *maṣāhif ahli Shām* tanpa menyebut riwayat Ibn ʿĀmir secara khusus (Ibn ʿAṭīyyah, 2000, 2: 448). Cara penisbahan qiraat disisi Ibn ʿAṭīyyah pada tempat ini berbeza dengan tempat-tempat lain khususnya kepada *qurrāʾ sabʿah*. Kebiasaannya beliau menyebut secara lansung nama imam, lebih-lebih lagi jika sesuatu qiraat itu dibaca oleh hanya seorang atau sejumlah bilangan kecil dalam kalangan *qurrāʾ sabʿah*.

Pendekatan Ibn ʿAṭīyyah ini ada kaitannya dengan *ikhtiyār* ibn Mujāhid dalam kitabnya al-Sabʿah yang menjadi rujukan Ibn ʿAṭīyyah dalam bacaan qiraat. Melalui semakan, qiraat tanpa huruf *nūn* (وإذ أنجكم) tidak disenaraikan oleh Ibn Mujahid sebagai *ikhtiyār* beliau untuk dinisbahkan kepada ibn ʿĀmir. Pekara ini turut menjadi persoalan di sisi ibn al-Jazari dalam al-Nashr yang menyatakan beliau hairan Ibn Mujahid tidak menyebut qiraat yang ada pada kalimah ini dalam al-Sabʿah (Ibn Al-Jazari. t.th, 2:271), (Ibn Mujahid,1972. 278).

II. قَالَ إِنْ, Mu'minun: 114

Firman Allah SWT:

﴿قَالَ إِنْ لَبِئْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا لَوْ أَنكُمْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Qiraat yang terdapat dalam kalimah yang bergaris dalam ayat di atas adalah antara (قال) dan (قل). Qiraat dengan huruf *alif* selepas huruf *qāf* diriwayatkan oleh Nāfiʿ, Ibn Kathīr, Abū ʿAmrū, Ibn ʿĀmir, ʿĀsim, Abū Jaʿfar, Yaʿqūb dan Khalaf al-ʿĀsyir. Manakala Qiraat tanpa huruf *alif* pula diriwayatkan oleh Hamzah dan Kisāʿi (Ibn Al-Jazari. t.th, 2:330)

Penisbahan Ibn ʿAṭīyyah hanya menyatakan Qiraat Bazzī dengan bacaan huruf *alif* selepas huruf *qāf* tanpa menyatakan riwayat bagi imam Qunbul (Ibn ʿAṭīyyah, 2000, 4: 158). Ini menunjukkan Qiraat Qunbul berbeza dengan Bazzi. Penisbahan ini ternyata berbeza dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari yang menyatakan qiraat (قال) adalah riwayat imam Ibn kathīr secara keseluruhan (Ibn Al-Jazari. t.th, 2:330).

Walaupun terdapat perbezaan antara Ibn ʿAṭīyyah dan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari, ia bukan sesuatu yang dipersalahkan kerana penisbahan Ibn ʿAṭīyyah masih selari dengan kitab al-Sabʿah. Ibn mujahid menyatakan bahawa qiraat Ibn Kathīr terbahagi kepada dua iaitu dengan imam Bazzi dengan (قال)

dan Qiraat Qunbul dengan (قل) (Ibn Mujahid. 1980, 449). Kata Ibn Mujahid:

وروى قنبل عن النبال عن أصحابه عن ابن كثير / قل كم لبثتم . قل إن لبثتم / بغير ألف في الموضعين

“Diriwayatkan oleh Qunbul dari al-Nabāl dari *aṣḥābnya* dari Ibn Kathīr (قل كم لبثتم . قل إن لبثتم) tanpa huruf *alif* pada kedua-dua tempat”

III. الريح al-Shūrā: 33

Firman Allah SWT:

﴿إِنْ يَشَأْ يُسْكِنِ الرِّيحَ فَيَظْلَلْنَ رَوَاكِدَ عَلَى ظَهْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ﴾

Qiraat yang terdapat pada kalimah yang bergaris dalam ayat al-Quran di atas adalah antara (الرياح) dengan huruf *alif* selepas huruf *yā* dan (الريح) tanpa huruf *alif*. Qiraat dengan huruf *alif* selepas huruf *yā* diriwayatkan oleh Nāfi° dan Abū Ja°far. Manakala Qiraat tanpa huruf *alif* diriwayatkan oleh Ibn Kathīr, Abū °Amrū, Ibn °Āmir, °Āsim, Hamzah, Kisāie, Ya°qūb dan Khalaf al-°Ashir (Ibn Al-Jazari. t.th, 2:223).

Ibn °Aṭīyyah dalam tafsir beliau menisbahkan qiraat (الرياح) kepada dua imam *mutawātirah* iaitu Nāfi° dan Ibn Kathīr (Ibn °Aṭīyyah. 2000, 5: 38). Menurut Ibn al-Jazari (t.th. 2: 223) qiraat ini adalah riwayat bagi imam Nafi° dan Abu Ja°far. Manakala Ibn Mujāhid (1980, 173) mengisyaratkan Qiraat Ibn Kahtīr pada ayat ini adalah bacaan tanpa huruf *alif*. Ternyata penisbahan qiraat oleh Ibn °Aṭīyyah pada kalimah ini berbeza dengan Ibn al-Jazari dan Ibn Mujahid.

Walau bagaimanapun, penisbahan ini kemungkinan satu kesilapan yang tidak disengajakan oleh Ibn °Aṭīyyah, kerana lafaz (الريح) dan (الرياح) berserta penisbahan riwayat kepada imam-imam qiraat telah dibincangkan oleh ibn °Aṭīyyah dalam surah al-Baqarah ayat 164 dengan perbincangan yang panjang (Ibn °Aṭīyyah. 2000, 5: 38). Untuk qiraat Ibn Kathīr, Ibn °Aṭīyyah menyatakan:

وقرأ ابن كثير بالجمع في خمسة مواضع: هنا وفي الحجر وفي الكهف وفي الروم الحرف الأول وفي الجاثية

وَتَصْرِيْفِ الرِّيَاحِ وَبَاقِي مَا فِي الْقُرْآنِ بِالْإِفْرَادِ

“Ibn Kathīr telah membaca dengan lafaz jamak pada lima tempat: di sini (al-Baqarah), al-Hijr, al-

Kahf, al-Rūm tempat yang pertama dan al-Jāthiyah (وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ) dan baki yang terdapat dalam al-Quran dengan bacaan *ifrād*'

Penisbahan ibn °Atīyyah bagi Qiraat Ibn Kathīr bagi dalam surah al-Baqarah selari dengan apa yang disusun oleh Ibn al-Jazari dalam al-Nashr dan Ibn Mujahid dalam al-Sab'ah (Ibn Al-Jazari. t.th, 2:223) (Ibn Mujāhid. 1980, 173). Oleh yang demikian, kesilapan penisbahan dalam surah al-Syūra ayat ke 33 ini kemungkinan merupakan satu bentuk kekeliruan yang kecil di samping Ibn °Atīyyah.

IV. تأمروني al-Zumar: 64

Firman Allah SWT:

﴿قُلْ أَفَعَيَّرَ اللَّهُ تَأْمُرُونِي أَعْبُدُ أَيُّهَا الْجَاهِلُونَ﴾

Qiraat yang menjadi fokus perbincangan topik ini adalah pada huruf *nūn* yang terdapat pada kalimah yang bergaris dalam ayat al-Quran di atas. Qiraat yang pertama adalah dengan satu huruf *nūn* bertashdīd beserta bacaan *mad* (تأمروني) yang dinisbahkan kepada imam Ibn Kathīr, Abū °Amrū, °Āsim, Hamzah. Kisāei, Ya°qūb dan Khalaf al-°Āsyir. Qiraat kedua ialah dengan satu huruf *nūn* tanpa *tashdid* (تأمروني) yang disandarkan kepada imam Nāfi°, Abū Ja°far, Ibn Dhakwān dan qiraat yang ke tiga dibaca dengan dua huruf *nūn* (تأمروني) di mana huruf *nūn* yang pertama berbaris atas. Qiraat ke tiga ini diriwayatkan oleh Ibn °Āmir (Ibn al-Jazari. 2000, 1:305).

Penisbahan qiraat dalam tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz menzahirkan perbezaan dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari. Ibn °Atīyyah menyatakan (Ibn °Atīyyah. 2000, 4: 540):

وقرأت فرقة: «تأمروني» بنونين، وهذا هو الأصل. وقرأ ابن كثير: «تأمروني» بنون مشددة مكسورة وياء مفتوحة. وقرأ ابن عامر: «تأمروني» بياء ساكنة ونون مكسورة خفيفة...

“Satu kumpulan membaca dengan (تأمروني) dengan dua huruf *nūn*, ini adalah (sebutan) asal. Ibn Kathīr pula membaca dengan (تأمروني) satu huruf *nūn* yang bertashdīd yang berbaris bawah serta huruf *yā* yang berbaris atas. Dan Ibn °Āmir membaca dengan (تأمروني) dengan huruf *yā* yang mati dan huruf *nūn* berbaris bawah yang ringan”.

Penisbahan Ibn °Atīyyah secara jelas menunjukkan perbezaan dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari yang menyatakan Qiraat Ibn °Āmir terbahagi dua iaitu dengan (تأمروني) dan yang kedua (تأمروني) di mana bacaan ke dua bagi Ibn °Āmir adalah melalui riwayat Ibn Dhakwān (Ibn al-Jazari. 2000, 1:305).

Jika dilihat dari sudut *ikhtiyār* Ibn Mujāhid pula, Penisbahan Ibn °Atīyyah ini selari dengan riwayat Ibn °Āmir dalam kitab al-Sab°ah. Ibn Mujāhid menyatakan (1980. 1: 563):

فَقَرَأَ نَافِعٌ وَابْنُ عَامِرٍ {تَأْمُرُونِي} بِتَخْفِيفِ النُّونِ غَيْرَ أَنْ نَافِعًا فَتَحَ الْيَاءَ {تَأْمُرُونِي} وَلَمْ يَفْتَحْهَا ابْنُ عَامِرٍ / قَالَ أَبُو عَمْرٍو وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ ذَكْوَانَ كَذَلِكَ وَجَدْتُمَا فِي كِتَابِي عَنِ ابْنِ أَبِي حَفْظَةَ / تَأْمُرُونِي / بَنُونِينَ وَقَالَ هِشَامٌ عَنِ ابْنِ عَامِرٍ بَنُونِينَ..

“Maka imam Nāfi° dan Ibn °Āmir membaca (تأمروني) dengan meringankan huruf *nūn* kecuali Nāfi° meletakkan baris *fathah* pada huruf *yā* sedangkan Ibn °Āmir tidak meletakkan baris *fathah* pada huruf *yā*. Abū °Umar dan °Abdullah bin Ahmad bin Dhakwān berkata, begitu juga aku mendapati dalam kitab aku dari Ayyūb dan menerusi hafazanku (تأمروني) dengan dua huruf *nūn* dan Hishām dari Ibn °Āmir berkata dengan dua huruf *nūn*”.

Kata-kata Ibn Mujahid di atas menunjukkan Qiraat Ibn °Āmir terbahagi kepada dua iaitu (تأمروني) dan (تأمروني) di mana bacaan kedua Ibn °Āmir adalah melalui riwayat Ibn Dhakwān.

V. **إِنَّمَا قَالَ جِنٌّ: 20**

Firman Allah SWT:

﴿قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوا رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا﴾

Pada kalimah yang bergaris dalam ayat di atas, perselisihan qiraat adalah di antara bacaan *fīl al-māḍi* (قال) dengan *fīl al-amr* (قل). Qiraat yang pertama dibaca dengan *fīl al-māḍi* dinisbahkan kepada Nāfi°, Ibn Kathīr, Abū °Amrū, Ibn °Āmir, Kisāie, Abū Ja°far, Ya°qūb dan Khalaf al-°Āsyir dan qiraat kedua dengan *fīl al-amr* dinisbahkan kepada Hamzah, °Āsim dan Abū Ja°far (Ibn Al-Jazari. T.th, 2:392). Penisbahan qiraat di sisi Ibn °Atīyyah berbeza dengan apa dimuktamadkan oleh Ibn al-Jazari dalam *ikhtiyār* beliau dalam al-Nashr. Ibn °Atīyyah (2000,5: 384) menyatakan:

وقرأ جمهور السبعة وعلي بن أبي طالب: «قال إنما»، وهذه قراءة تؤيد أن العبد نوح، وقرأ عاصم وحمزة
بـخلاف عنه «قل إنما»..

“Telah membaca *jumhūr al-sab‘ah* dan ‘Ali bin Tālib: (قال إنما) dan qiraat ini membawa maksud bahawa *al-‘abd* yang dimaksudkan adalah (nabi) Nuh, dan telah membaca ‘Āsim dan Ḥamzah berserta khilaf darinya (قل إنما)”.

Ibn ‘Aṭīyah menyatakan imam Ḥamzah membaca dengan dua wajah iaitu (قال) dan (قل). Manakala menurut Ibn al-Jazari (T.th, 2:392) dalam al-Nashr:

(واختلفوا) في: قل إنما أدعو فقراً أبو جعفر، وعاصم، وحمزة، قل بغير ألف على الأمر، وقرأ الباقون
بالألف على الخبر.

“ Mereka berkhilaf pada : قل إنما أدعو maka telah membaca Abū Ja‘far, ‘Āsim dan Ḥamzah (قل) tanpa huruf *alif* yang menunjukkan *fi‘l al-amr* dan telah membaca *al-bāqūn* dengan huruf *alif* yang menunjukkan *al-khabar*”.

Nukilan qiraat oleh Ibn ‘Aṭīyah yang menyatakan imam Ḥamzah mempunyai dua wajah qiraat ternyata tidak selaras dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari. Hasil semakan ringkas mendapati, nukilan Ibn ‘Aṭīyah berkenaan qiraat hamzah tidak disebut dalam Ibn Mujahid dan kitab-kitab utama dalam periwayatan bacaan qiraat termasuk al-Mabṣūt karya al-Naysabūri (w.381H), al-Taysīr oleh al-Dāni (w. 444H). Kecuali imam Huzali (w. 465H) dalam kitab beliau al-Kāmil mengisyaratkan imam bacaan kedua imam Hamzah dengan huruf *alif (fi‘l al-mādi)* (al-Huzali, 2007. 589). Beliau mengisyaratkan:

في الجن قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوْكُمْ إِلَىٰ آبُو جَعْفَرٍ، وَشَيْبَةَ، وَأَبُو بَشْرٍ، وَعَبْدُ الْوَارِثِ، وَهَارُونَ، وَاللُّؤْلُؤِي، وَالْأَصْمَعِي، وَأَبُو زَيْدٍ
عَنْ أَبِي عَمْرٍو مِنْ قَوْلِ أَبِي عَلِيٍّ

“Surah al-Jin (قُلْ إِنَّمَا أَدْعُو) dengan lafaz *al-amr* oleh Abū Ja‘far, Syaibah, Abu Bashr, ‘Abd al-Wāriṭh, Hārūn, al-Lu‘lu‘i, dan Aṣmu‘ī, Abū Zayd dari Abū ‘Amru menurut pendapat Abū ‘Ali”.

Kenyataan al-Huzali di atas menunjukkan bacaan imam Hamzah adalah lawan kepada bacaan Abu Ja‘far dan imam-imam yang membaca dengan lafaz *al-amr*.

5.0 KESIMPULAN



Hasil kajian menunjukkan terdapat lima qiraat yang dinukilkan oleh Ibn ʿAṭīyyah tidak selaras dengan *ikhtiyār* Ibn al-Jazari dalam kitab al-Nashr. Walau bagaimanapun ketidakselarasan ini bukanlah satu bentuk kesalahan di sisi Ibn ʿAṭīyyah kerana penisbahan beliau ada asas dan bersumber dari kitab yang mempunyai kelayakan dalam *ikhtiyār al-qirāʾāt* seperti kitab al-Sabʿah, al-Taysīr, al-Kāmil dan lain-lain. kajian ini cuba memberi penjelasan bahawa walaupun kitab-kitab tafsir yang meriwayatkan *wujūh al-qirāʾāt* dari *qurrāʾ mutawātirah* ia belum tentu sahih dan boleh dibaca bahkan ia dihukum sebagai *qirāʾāt al-shādhah* kerana menyalahi apa yang telah disenaraikan oleh Ibn al-Jazari. Oleh yang demikian, *wujūh al-qirāʾāt* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir tidak dianggap sebagai sumber utama ambilan riwayat qiraat. Ia berfungsi sebagai bantuan kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran disamping menyimpan riwayat-riwayat qiraat yang disandarkan kepada para sahabat, *tabiʿīn* dan *qurrāʾ* lain.

RUJUKAN

- A. Adi, F., Mat Ali, A., & Mokhtar, R. (2018). Hadith dan Peranannya Sebagai Hujah dalam Ikhtiyar Al-Qira'at. *HADIS*, 8(15), 1-17. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/12>
- Abdul Majīd, O. O. (2020). al-Ikhtiyār fi al-Qirā'āt al-Qurāniyyah. *Journal of Arts, Literature, Humanities and Social Sciences*, 25-32.
- al-Dāwūdī, M. b. (t.th). *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*. Beirut: Dār al-Kutb al-'Alamiyyah.
- al-Dhahabi, S. a.-D. (1985). *Siyar A'lām Nubalā'*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Ḥumaydi, A. b.-Z. (1996). *Musnad al-Ḥumaydi*. Damsyik: Dār al-Saqā.
- al-Huzali, Y. b. (2007). *al-Kāmil fi al-Qirā'āt wa al-Arbain al-Zāidah 'Alayha*. t.tp: Muassasah al-Sama li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Suyūṭī, A. R. (1976). *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Suyūṭī, J. a.-D. (1976). *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn al-Ishrīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Za'bi, A. A. (2016). Manhal Ibn al-Jazari fi Ikhtiyār Turuq al-Marwīyat fi Kitābih al-Nasyr fi Qirā'āt al-'Ashr. *Majallah al-Dirāsah al-Islāmiyyah wa al-Buḥūth al-Akadamiyyah*, 363-422.
- Falatah, A. b. (2000). *al-Ikhtiyār 'inda al-Qurra' Mafhūmuh, Marāhiluh, wa Atharuhu fi al-Qirā'āt*. Makkah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Kaherah: Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra.
- Ibn Atiyyah, A. A.-H. (2001). *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyyah.
- Ibn Mujāhid. (1980). *kitāb al-Sab'ah fi al-Qirā'āt*. al-Qāhirah: Dar al-Ma'ārif.
- Makki, A. Ṭ. (1960). *al-Ibānah 'an al-Ma'āni al-Qirā'āt*. Kaherah: Dār Naḍjah.
- Shaharuddin,S. (2015). Sejarah Bacaan Riwayat Hafs Melalui Aliran al-Shatibi dan al-Jazari. *Jurnal Pengajian Islam*, Vol 8 No.2 (23-25).
- Zirikli, K. b. (2002). *al-A'lām* . Dar al-'Ilm li al-Malāyīn: Beirut.